

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1- PENDAHULUAN**

Berdasarkan data-data yang terkumpul serta penganalisaan yang dilakukan ke atas hasil kajian, penulis seterusnya akan membuat kesimpulan ke atas tajuk kajian. Di samping itu, beberapa cadangan turut dimuatkan dalam bab ini untuk memperkemaskan lagi kajian yang akan datang.

#### **5.2- KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **KESIMPULAN**

HIV adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan kerosakan sistem daya tahan tubuh untuk melawan penyakit secara perlahan-lahan manakala AIDS merupakan peringkat akhir jangkitan HIV di mana sistem daya ketahanan badan melawan penyakit telah dilumpuhkan. AIDS telah mula dikesan pada awal 1981 di Amerika Syarikat. Penulis menyokong pendapat yang mengatakan ia berpunca daripada aktiviti seks yang bersifat kebinatangan, yang berasal dari Amerika Syarikat sebelum disebarkan ke negara-negara Eropah dan Afrika.

AIDS merupakan satu penyakit yang unik di mana ia saling berkait antara satu penyakit dengan penyakit yang lain. Seseorang yang menghidap AIDS akan mengalami beberapa jangkitan yang akan menyebabkan beberapa jenis penyakit seperti radang paru-paru, kandidiasis, radang otak dan beberapa jenis kanser termasuk karposi sarcoma, limfoma, kanser mulut, kanser anorektum dan sebagainya. Selain itu, walaupun AIDS termasuk dalam kategori penyakit berjangkit, ia tidak boleh berjangkit melalui udara, sentuhan mahupun memakan makanan atau menggunakan peralatan

yang digunakan oleh pesakit AIDS. Sebaliknya, AIDS hanya berjangkit melalui hubungan seks, darah yang tercemar dengan virus HIV dan dari ibu yang dijangkiti HIV kepada anak sama ada semasa mengandung, bersalin atau menyusukan anak.

Dalam membincangkan penyakit AIDS dari perspektif Islam dan moden, para saintis dan sarjana Barat menganggap AIDS sebagai suatu cabaran dalam bidang perubatan dan semua manusia perlu menerima cabaran ini. Ini berbeza dengan pandangan sarjana Islam yang menganggap AIDS sebagai suatu bala dari Allah SWT di atas keterlanjuran manusia itu sendiri yang sering melanggar hukum yang ditetapkan oleh Allah. Ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW:

لَمْ تَظْهَرِ الْفَاحِشَةَ قَوْمٍ قَطُّ حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونَ وَالْأَوْجَاعُ  
الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا.

“Tidak akan muncul kemungkaran secara terang-terangan dalam suatu kaum melainkan mereka akan merebak dalam kaum itu wabak taun dan penyakit-penyakit baru yang tidak pernah dikenali oleh kaum-kaum sebelum mereka.”<sup>1</sup>

Selain itu, dalam kajian ini penulis turut membincangkan kejayaan Islam dengan segala cabang ilmunya mampu menyelesaikan permasalahan yang berhubung kait dengan penyakit AIDS mahupun pesakit AIDS. Islam merupakan agama yang sempurna dalam semua aspek kehidupan. Ia merangkumi aspek akidah, syariat dan akhlak. Akidah ialah pegangan hidup yang bergantung pada kekuasaan Allah SWT. Aspek ini menekankan bahawa setiap yang hidup akan mati dan diberikan balasan ke atas perbuatannya di dunia ini untuk menerima keadilan di akhirat nanti. Sesiapa yang berbuat baik akan dibalas dengan kebaikan dan begitulah sebaliknya. Manakala syariat ialah peraturan yang membentuk kehidupan yang selari dengan akidah yang didukung. Matlamatnya ialah untuk menjadikan kehidupan lebih sejahtera dan umat Islam disaran

---

<sup>1</sup>Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī; (2000), *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb al-‘Uqūbāt, no. ḥadis 4019, j. 4, c. 3. Beirūt : Dār al-Ma’rifah, hlm 368.

agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Justeru itu, dalam membendung penularan penyakit AIDS, Islam telah meletakkan satu benteng yang kukuh untuk mencegah umatnya daripada terjebak dengan gejala seks bebas dengan menyeru para pemuda Islam yang mampu untuk segera berkahwin pada usia yang muda agar dapat memelihara pandangan dan kemaluannya. Islam juga menyediakan alternatif bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk berpuasa menahan lapar dan dahaga agar dapat menundukkan nafsunya daripada terjebak dengan gejala seks bebas. Di samping itu, Islam turut meletakkan suatu hukum berbentuk pencegahan iaitu dengan meletakkan syarat-syarat yang ketat untuk mencegah berlakunya hubungan seks di luar perkahwinan yang sah seperti zina, liwat dan sebagainya. Hukuman yang tegas ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua manusia agar tidak terjebak dengan aktiviti seks bebas.

Aspek akhlak turut dititikberatkan oleh Islam kerana ia merupakan asas pembentukan sesebuah masyarakat. Antara ciri-ciri orang yang berakhlak mulia ialah tidak melakukan kejahatan seperti mencuri, berzina dan melakukan perbuatan yang boleh merosakkan fizikal dan mental seseorang seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Ini sejajar dengan apa yang dibawa oleh syariat Islam yang merangkumi dua aspek iaitu suruhan dan larangan. Kedua-duanya bertujuan untuk menjaga dan mengawal kepentingan diri dan masyarakat. Oleh yang demikian, apabila setiap anggota masyarakat dapat mengawal tingkahlaku mereka, maka mereka akan terselamat daripada segala perbuatan yang boleh merosakkan hidup mereka.

Bagi menangani wabak AIDS yang semakin menular di kalangan semua lapisan masyarakat, Islam lebih banyak menekankan aspek pencegahan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Dalam bab yang ketiga, penulis telah membincangkan beberapa langkah pencegahan sama ada langkah tersebut merupakan

saranan penulis mahupun ia telah dipraktikkan khususnya di Malaysia. Langkah-langkah pencegahan dan pengawalan AIDS yang telah dibincangkan termasuklah langkah pencegahan melalui aplikasi kaedah syarak, pendidikan, penguatkuasaan undang-undang, perubatan serta peranan pemerintah dan ulama. Kaedah-kaedah syarak yang terkandung dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id fiqhiyyah* dan *siyāsah syar'iyah* merupakan ilmu yang bersifat unggul dan dinamik dalam merungkai permasalahan AIDS. Contohnya penggunaan kaedah *sadd al-dharā'i'* dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* merupakan satu kaedah pencegahan yang sangat berkesan dalam menyelesaikan punca-punca penyakit AIDS merangkumi seks rambang, penagihan dadah dan darah yang tercemar dengan HIV. Ini kerana semua jalan-jalan yang boleh membawa kepada kerosakan dan kemudaratan telah ditutup dan dilarang sama sekali dalam Islam.

Selain itu, Islam turut mementingkan aspek pendidikan, khususnya pendidikan anak-anak kerana melalui pendidikan kita bukan sahaja dapat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan malah yang berakhlak mulia. Pendidikan tersebut merangkumi pendidikan iman, pendidikan akhlak, pendidikan jasmani, pendidikan mental, pendidikan diri, pendidikan kemasyarakatan dan pendidikan seks. Pendidikan yang sempurna dari ibu bapa sejak kecil dapat menjadi benteng yang kukuh dalam jiwa anak-anak untuk menghindarkan diri mereka daripada aktiviti yang tidak bermoral yang boleh menyebabkan jangkitan HIV. Walau bagaimanapun, pengetahuan mengenai AIDS secara tepat dan betul merupakan salah satu aspek pencegahan yang sangat penting kerana ceteknya pengetahuan mengenai penyakit ini akan menyebabkan lebih ramai manusia dijangkiti AIDS.

Di samping itu, Islam tidak menafikan peranan undang-undang dan hukuman sebagai salah satu langkah pencegahan yang berkesan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit yang berbahaya ini. Terdapat hukuman khas di dalam perundangan Islam iaitu hukuman hudud yang dapat membendung penularan

penyakit AIDS ini. Bagi kesalahan penyalahgunaan dadah, hukumannya ialah 80 kali sebatan manakala hukuman untuk kesalahan zina adalah 100 kali sebatan dan buang daerah bagi yang belum berkahwin. Manakala hukuman rejam sampai mati akan dikenakan ke atas pezina yang sudah berkahwin dan kesalahan liwat.

Selain itu, Islam juga telah menetapkan hukuman qisas yang dikenakan ke atas seseorang yang memindahkan penyakit AIDS kepada orang lain dengan sengaja kerana ia termasuk dalam kategori pembunuhan sengaja dengan sebab. Sebaliknya, bagi kesalahan yang tidak disengajakan seperti menderma darah yang dijangkiti HIV kepada orang yang sihat, tanpa mengetahui status diri sebagai pembawa HIV, maka pesalah akan dikehendaki membayar diat.

Walaupun Islam telah menyarankan pelbagai langkah pencegahan dari akar umbinya lagi bagi membanteras penyakit ini, Islam turut menggalakkan umatnya berikhtiar mencari ubat dan penawar bagi penyakit AIDS. Namun, hingga kini masih belum ditemui sebarang ubat yang dapat menyembuhkan penyakit AIDS. Rawatan yang diberikan hanyalah untuk mengurangkan jangkitan, meningkatkan tahap kesihatan, memanjangkan hayat dan meningkatkan produktiviti pesakit AIDS.

Selain itu, keunggulan Islam jelas terbukti apabila mampu menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan pesakit AIDS, bermula dari peringkat kehamilan sehinggalah ke peringkat kematian merangkumi pelbagai aspek seperti penyusuan, pengguguran, hak penjagaan anak, ibadat, perkahwinan, muamalat dan jenayah. Ini membuktikan Islam amat relevan dengan segala hukum-hakam fiqh Islam yang kontemporari dan sesuai dengan keperluan semasa, khususnya dalam aspek ibadat dan kekeluargaan yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini.

Oleh kerana penyakit AIDS sangat unik dan berbeza berbanding penyakit-penyakit yang lain, kita perlulah memahami dengan betul peringkat-peringkat penyakit AIDS sebelum menentukan sesuatu hukum. Terdapat 3 peringkat jangkitan HIV/AIDS

iaitu peringkat jangka masa *window*, peringkat tiada tanda (pembawa HIV) dan peringkat akhir jangkitan HIV/AIDS.

Dalam aspek pengambilan wuduk, pesakit AIDS perlu mendapatkan nasihat doktor mengenai tahap kesihatan diri mereka bagi mengetahui cara mengambil wuduk yang betul dan selamat. Cara pengambilan wuduk bagi pesakit AIDS pada peringkat pertama dan kedua sama sepertimana orang yang sihat kerana pada kedua-dua peringkat ini, pesakit hanya mengalami simptom-simptom biasa yang tidak memudaratkan pesakit untuk berwuduk. Sebaliknya, bagi pesakit yang berada di peringkat akhir jangkitan HIV, cara pengambilan wuduk banyak bergantung pada tahap kesihatan diri mereka. Terdapat perbincangan yang panjang lebar di kalangan para pengamal perubatan dan para ulama dalam hal ini. Menurut beberapa pakar perubatan yang ditemubual, pesakit AIDS pada peringkat ini masih boleh berwuduk seperti biasa menggunakan air. Malah, penggunaan debu tanah untuk bertayamum tidak digalakkan kerana dikhuatiri akan lebih memudaratkan pesakit.

Begitu juga dengan pesakit AIDS yang memakai pembalut, simen atau plaster pada anggota wuduknya. Mereka boleh membasuh mana-mana anggota wuduk yang sihat dan menyapu air ke atas seluruh pembalut simen atau plaster pada anggota wuduk yang sakit. Sebaliknya, wajib ke atas pesakit menunaikan solat untuk menghormati waktu jika pesakit sudah sampai ke tahap yang kronik sehingga menegah pesakit dari menggunakan air mahupun debu tanah untuk bertayamum.

Selain itu, jika dilihat dalam aspek ibadat yang lain, terdapat sesetengah ibadat yang gugur dan ada yang perlu dikerjakan walau bagaimanapun keadaan seseorang. Ini dapat dilihat daripada ibadat solat yang tidak gugur ke atas pesakit AIDS. Dengan kata lain, pesakit AIDS wajib melakukannya mengikut kemampuan sama ada secara berdiri, duduk, berbaring, menggunakan isyarat atau berniat melakukan rukun-rukun dan

perbuatan solat dalam hatinya sahaja. Ibadat solat hanya gugur apabila pesakit AIDS tidak sedarkan diri atau koma akibat penyakit radang otak yang dialaminya.

Manakala dalam ibadat puasa, pembawa HIV (peringkat pertama dan kedua) diwajibkan menjalani ibadat puasa kerana keadaan kesihatan mereka ketika ini sama seperti manusia yang sihat. Jika mereka berbuka puasa, mereka hendaklah menggantikannya. Sebaliknya bagi pesakit AIDS (peringkat ketiga), mereka boleh berbuka puasa di bulan Ramadan untuk mengelakkan penyakit ini bertambah teruk terutama bagi pesakit yang sentiasa memerlukan rawatan dan mengambil ubat-ubatan secara berterusan. Bahkan, bagi pesakit AIDS yang kronik yang tidak mampu menjalani ibadat puasa, mereka perlulah membayar fidyah.

Dalam ibadat haji pula, ulama bersepakat menyatakan mereka yang menghidap penyakit yang bersifat lama atau lumpuh seumur hidup yang menghalangnya untuk melakukan haji atau seorang yang sudah tua, maka tidak wajib ke atasnya melakukan ibadat haji. Dalam konteks ini, pembawa HIV pada peringkat pertama (*window period*) dan peringkat kedua (tiada tanda HIV) yang belum sampai ke peringkat yang terakhir (kronik), diwajibkan melakukan ibadat haji jika cukup syarat. Namun, penulis menyarankan agar pembawa HIV tersebut mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga agar AIDS tidak berjangkit kepada jemaah haji yang lain. Manakala bagi pesakit AIDS di peringkat yang ketiga, mereka boleh mewakilkan orang lain untuk membuat badal haji untuknya memandangkan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan. Ini sejajar dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang tidak membenarkan sama sekali pesakit AIDS (peringkat ketiga) menunaikan ibadat haji.

Dari aspek kekeluargaan, para fuqaha telah membincangkannya dengan panjang lebar dan memberi penekanan yang serius terhadapnya kerana kekeluargaan merupakan

satu sistem yang amat penting dalam pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni. Ia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:-

#### 1-Perkahwinan pesakit AIDS

Pembawa HIV pada peringkat pertama (*window period*) yang berkahwin tidak akan mendapati diri mereka dijangkiti HIV. Apabila virus HIV dapat dikesan, pasangan boleh meneruskan perkahwinan ataupun meminta fasakh. Manakala bagi pembawa HIV (peringkat kedua), pasangan diberi nasihat dan pilihan untuk meneruskan perkahwinan atau tidak apabila mengetahui status kesihatan melalui ujian HIV pra-perkahwinan. Manakala pada peringkat ketiga (peringkat AIDS), penulis bersetuju dengan pendapat mazhab Maliki yang mengatakan dilarang perkahwinan pasangan yang mempunyai penyakit *marad al-mawt*. Ini kerana pada peringkat ini pelbagai jangkitan penyakit akan menyerang pesakit AIDS dan pesakit tidak mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Penulis juga berpendapat perkahwinan pesakit AIDS bertentangan dengan *maqāsid* nikah iaitu mendapat kasih sayang, rahmat dan zuriat. Ini disebabkan hubungan seks adalah antara faktor utama jangkitan HIV dan zuriat yang bakal lahir dari perkahwinan ini berkemungkinan akan dijangkiti HIV walaupun peratusannya amat kecil. Sebaliknya, bagi kedua-dua pasangan yang menghidap AIDS, mereka diharuskan berkahwin kerana tiada unsur menzalimi dan memudaratkan antara satu sama lain.

Di samping itu, terdapat juga tegahan ke atas pasangan yang sihat untuk berkahwin dengan pesakit AIDS. Jika pasangan yang sihat itu adalah wanita, maka walinya berhak menegah perkahwinan itu manakala terdapat perselisihan pendapat di kalangan fuqaha mengenainya. Sebahagian fuqaha berpendapat tiada halangan ke atas seorang lelaki yang sihat untuk berkahwin kerana dia berhak membuat keputusan ke atas dirinya dan sebahagian yang lain berpendapat hendaklah diadakan sekatan



sebagaimana yang dilaksanakan ke atas mereka yang bodoh( سَفِيهٍ ). Bahkan, menghalang seorang lelaki daripada berkahwin dengan pesakit AIDS adalah lebih wajar dan lebih *awla* kerana ia akan memudaratkan dirinya. Ini bertepatan dengan kaedah syarak: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ: yang bermaksud “ tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan”.<sup>2</sup>

## 2-Fasakh Nikah

Secara umumnya, fuqaha silam hanya membincangkan mengenai keaiban yang membolehkan salah seorang dari pasangan suami isteri memohon fasakh. Namun, perbahasan ini boleh dikaitkan dengan fasakh nikah bagi pasangan yang menghidap AIDS. Dalam perbahasan tersebut, terdapat 3 aib yang berkaitan dengan masalah fasakh nikah iaitu aib yang dikhususkan untuk lelaki, aib yang dikhususkan untuk perempuan dan yang dikongsi bersama. Kesimpulannya, kesemua aib ini mengandungi 2 ‘illah (sebab) iaitu memudaratkan dan menjauhkan (الضَّرَرُ وَالْمُنْفِرَةُ). Justeru itu, penulis menyokong pendapat yang mengatakan bahawa harus fasakh nikah ke atas pasangan yang sihat apabila mendapati pasangannya menghidap AIDS walaupun selepas akad nikah atau selepas *dukhūl* kerana kedua ‘illah tersebut wujud dalam kes pesakit AIDS.

## 3- Hubungan Seks

Dalam Islam, tiada halangan ke atas mana-mana pasangan suami isteri yang menghidap AIDS untuk melakukan hubungan seks. Namun, bagi pasangan yang masih

---

<sup>2</sup> Abī al- Ḥasan al- Ḥanafī (2000), *op.cit*, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Man Bana Fī Ḥaqqihī Mā Yaḍurru Bi Jārihi, no. ḥadīth 2340.j3. Beirūt : Dār al-Ma’rifah, hlm 106.

mahu mengekalkan ikatan perkahwinan sekalipun mengetahui pasangannya menghidap AIDS, hendaklah menegah dirinya daripada melakukan hubungan seks. Sebaliknya jika hubungan seks berlaku, mereka hendaklah menggunakan kondom bagi mengurangkan risiko jangkitan HIV kepada pasangan yang sihat. Pesakit AIDS juga tidak boleh memaksa pasangannya untuk melakukan hubungan seks kerana AIDS boleh berjangkit melalui hubungan seks dan akan membahayakan nyawa pasangannya.

#### 4-Kehamilan dan Pengguguran Anak

Dari aspek kehamilan, mana-mana wanita penghidap AIDS yang sudah berkahwin dinasihatkan agar tidak hamil kerana AIDS boleh berpindah kepada janin semasa kehamilan walaupun peratusannya agak kecil. Oleh itu, beliau hendaklah mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk mengelak dari berlakunya kehamilan. Namun, jika kehamilan berlaku, tidak harus ke atas si ibu menggugurkan kandungannya. Ini memandangkan risiko bayi mendapat jangkitan HIV dari ibunya bukanlah 100% bahkan ada bayi yang lahir bebas dari jangkitan HIV. Sekalipun dipastikan bayi dalam kandungan tersebut menghidap AIDS, si ibu tidak dibenarkan menggugurkan kandungannya.

#### 5-Hadanah dan Penyusuan

Sekiranya anak yang dilahirkan oleh ibu yang menghidap AIDS sihat dan bebas dari sebarang jangkitan HIV, sebaik-baiknya hendaklah si ibu tersebut mencari wanita lain untuk menyusu dan memelihara anaknya. Jika terdapat kesukaran untuk mencari wanita lain, si ibu diharuskan untuk memelihara dan menyusukan anaknya dengan mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar. Tambahan pula, kajian mendapati risiko bayi mendapat HIV melalui penyusuan amatlah sedikit.

## CADANGAN

Dewasa ini, AIDS bukan lagi dilihat sebagai isu kesihatan semata-mata, malah ia merupakan isu masyarakat yang berkait rapat dengan keruntuhan moral dan akhlak, khususnya di kalangan para remaja. Justeru itu, ia memerlukan kerjasama semua pihak meliputi pihak pemerintah, badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan termasuk NGO Islam, ibu bapa, para pendidik, cendekiawan Islam dan anggota masyarakat itu sendiri dalam membanteras penyakit ini dari akar umbinya lagi. Sambutan 'Hari AIDS Sedunia' yang saban tahun disambut pada setiap 1 Disember tidak memadai untuk membendung wabak ini dari terus meragut nyawa masyarakat, sebaliknya pihak pemerintah perlu bertindak segera dalam merancang satu pelan bertindak yang komprehensif dan memasukkannya sebagai agenda utama negara bagi mencegah punca-punca penyakit AIDS yang berhubungkait dengan masalah gejala sosial para remaja hari ini seperti seks bebas dan penyalahgunaan dadah.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia harus ke depan dalam menghidupkan peranan amar makruf nahi mungkar yang tidak terhad kepada ceramah-ceramah di masjid mahupun di surau. Saluran media massa sama ada media elektronik mahupun media cetak harus digunakan sebaiknya untuk menyampaikan mesej Islam dan menerapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat memandangkan pengaruh media massa kini sangat besar.

Program hiburan yang melampau, melalaikan dan bertentangan dengan nilai-nilai Islam harus disekat dan digantikan dengan hiburan berlandaskan Islam dan program-program keilmuan yang dapat melahirkan para cendekiawan yang beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia. Kerajaan juga perlu membanteras semua pusat-pusat hiburan dan kelab-kelab malam yang menjadi pusat pesta seks dan maksiat sehingga berjaya merosakkan akidah dan akhlak masyarakat. Peranan masjid juga perlu

diperluaskan dengan merancang pelbagai program yang boleh menarik minat para remaja untuk datang ke masjid.

Selain itu, peranan amar makruf nahi mungkar juga perlu diperluaskan kepada pembawa HIV dan pesakit AIDS sama ada melalui sesi dialog, usrah, tazkirah, seminar, kursus mahupun bengkel-bengkel. Pengalaman yang dilalui oleh pesakit AIDS lebih berkesan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjauhi amalan dan perbuatan yang boleh menyebabkan mereka dijangkiti AIDS dan tidak menyebarkannya kepada orang lain.

Di samping itu, aspek pendidikan harus dititikberatkan oleh ibu bapa sejak anak mereka kecil lagi. Pendidikan yang sempurna dari kedua-dua ibu bapa bukan sahaja dapat melahirkan generasi yang berilmu, malah berakhlak mulia. Semua institusi pendidikan meliputi sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi disaran agar menghayati Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dan tidak terikut-ikut dengan falsafah pendidikan sekularisme Barat yang memberi penumpuan yang lebih kepada bidang selain dari pengembangan ilmu pengetahuan seperti bidang sukan dan hiburan yang jelas tidak dapat memberikan pulangan yang sewajarnya dalam jangka masa panjang.

Pendidikan mengenai AIDS juga perlu diperluaskan di semua peringkat pengajian agar usaha menangani penyakit ini lebih berkesan. Ia sangat penting untuk mengelakkan berlakunya stigma dan diskriminasi terhadap pesakit AIDS yang sering berlaku di kalangan ahli keluarga pesakit, para pengamal perubatan, para pendidik, para pendakwah, para pemimpin dan masyarakat awam. Malah, pesakit AIDS hendaklah diberi bimbingan untuk terus menjalani kehidupan sebagai hamba Allah di muka bumi ini. Mereka perlu diberi kesedaran tentang kewajipan mereka kepada Allah dalam menunaikan ibadat sama ada solat, puasa, haji dan sebagainya.

Pelaksanaan ibadat ini bukan sahaja mendatangkan manfaat rohaniah kepada pesakit, malah dapat memberikan manfaat fizikal dan mental seperti ibadat solat jika dilakukan dengan tekun dan mengambil berat mengenai postur yang betul. Antara manfaat fizikal yang akan diperoleh termasuklah dapat memberikan kekuatan kepada sistem otot dan tubuh badan kerana semasa solat, kebanyakan otot dan sendi akan bergerak.<sup>3</sup> Posisi sujud ketika solat juga adalah sangat baik untuk memperoleh kadar denyutan jantung yang sihat, memanjangkan hayat jantung dan menghindarkan pengecilan salur-salur darah yang membawa kepada penyakit arteriosklerosis.<sup>4</sup> Manakala posisi rukuk pada sudut 90 darjah dapat mengurangkan sakit belakang dan sebagai terapi untuk mengurang dan memulihkan sakit pinggang.<sup>5</sup> Dari segi mental pula, solat berupaya membawa ketenangan, meningkatkan kewaspadaan dan menyediakan minda untuk menghadapi tugas mental yang lebih berat.<sup>6</sup>

Oleh yang demikian, penulis berpandangan, pesakit AIDS tidak seharusnya melepaskan peluang untuk beribadat dan hanya menghabiskan masa menunggu saat-saat kematian dengan perkara yang sia-sia. Untuk tujuan tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, jabatan-jabatan agama di setiap negeri dan badan-badan dakwah harus memainkan peranan untuk mengeluarkan garis panduan khas sama ada dalam urusan ibadat mahupun yang melibatkan kekeluargaan untuk pesakit AIDS mahupun golongan yang sering berurusan dengan pesakit termasuk pengamal perubatan dan ahli keluarga. Ia bertujuan untuk terus memberi bimbingan kepada pesakit tanpa menyisihkan mereka agar dapat menjalani kehidupan yang lebih diredai Allah dengan mengabdikan diri kepadaNya agar terhindar daripada perkara-perkara yang boleh merugikan diri sendiri. Kefahaman pesakit dalam urusan kekeluargaan seperti perkahwinan, hubungan seks,

---

<sup>3</sup> Fatimah Ibrahim et.al,(2008), *Solat : Kebaikan dari Perspektif Sains*.Kuala Lumpur: Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya, hlm 83- 92.

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm 43-51.

<sup>5</sup> *Ibid*, hlm 55-65.

<sup>6</sup> *Ibid*, hlm 71-78.

kehamilan, penyusuan mahupun hadanah anak juga dapat menyelamatkan mereka yang tidak berdosa daripada dijangkiti AIDS.

Sejajar dengan hasrat tersebut, institusi-institusi pengajian tinggi agama hendaklah berusaha mengintegrasikan pengajian ilmu agama khususnya ilmu *uṣūl al-fiqh*, *qawā'id fiqhiyyah* dan *siyāsah syar'iyah* dalam menangani permasalahan hukum Islam semasa. Hal ini sangat penting untuk menolak dakwaan sesetengah pihak yang menganggap ilmu agama tidak lagi relevan untuk konteks moden dan ketinggalan zaman. Hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan hendaklah disampaikan kepada masyarakat melalui pelbagai bentuk sama ada melalui forum, seminar, muzakarah mahupun media cetak seperti surat khabar dan majalah.

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang khususnya undang-undang Islam harus dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebagai salah satu usaha mencegah penularan penyakit ini di kalangan masyarakat. Penulis amat menyokong cadangan kerajaan untuk mewajibkan ujian HIV kepada semua bakal pengantin di semua negeri di Malaysia pada tahun 2009. Usaha murni kerajaan ini harus dipuji kerana terdapat banyak kebaikan yang diperolehi oleh pasangan suami isteri khususnya dalam menjamin keharmonian rumah tangga dan menghindarkan sebarang bentuk penganiyaan. Penulis juga menyarankan agar hukuman hudud dilaksanakan ke atas pesalah zina, liwat, penagih dadah dan sebagainya. Ini kerana selain ia merupakan hukum Allah yang wajib dilaksanakan, terdapat pelbagai hikmah yang tersirat di sebalik hukuman tersebut yang perlu dijadikan iktibar.

Selain peranan pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan khususnya NGOs Islam perlu berganding bahu bagi membasmi wabak AIDS di kalangan masyarakat. Pelbagai program pembinaan remaja Islam yang bertaqwa harus dilaksanakan secara terancang, menggunakan pendekatan strategik Islam, untuk menyediakan generasi

remaja Islam terunggul, yang bakal memegang tampuk pentadbiran negara pada masa akan datang.

### **5.3- PENUTUP**

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak khususnya terhadap pesakit AIDS, para pengamal perubatan, para pendidik dan masyarakat amnya. Harapan penulis agar kajian ini dapat diteruskan serta diperluaskan lagi, merangkumi hukum-hakam yang lain seperti muamalat, jenayah, permasalahan euthanasia dan sebagainya agar hasilnya dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam mencari penyelesaian terhadap pelbagai permasalahan masyarakat masa kini.

Akhir kata, penulis sememangnya mengakui dan menyedari bahawa kajian ini mengandungi banyak kelemahan dan kekurangan. Justeru itu, penulis amat mengharapkan agar kesinambungan kajian ini akan dapat diteruskan demi meneruskan jihad ilmu ini.